

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

PEPERIKSAAN PERINTAH-PERINTAH AM 1961 DAN PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN (GO) 09 APRIL 2021

Arahan kepada calon-calon:

1. Sila tulis bilangan index dan nombor kad pengenalan pintar awda sahaja pada kotak yang disediakan.

2. Kertas soalan ini mengandungi tiga (3) bahagian:

Bahagian A : 30 Soalan Objektif

Bahagian B : 10 Soalan Esei Pendek

Bahagian C : 3 Soalan Esei Panjang

3. Sila jawab:

Bahagian A : Semua Soalan

Bahagian B : 7 Soalan sahaja

Bahagian C : 2 Soalan sahaja

4. Sila mulakan jawapan bagi setiap soalan pada tiap lembaran baru kertas jawapan.

5. Jawapan yang ditulis hendaklah jelas dan mudah dibaca.

6. Semua jawapan hendaklah ditulis dalam Bahasa Melayu.

****** SEMOGA BERJAYA ******

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi 30 soalan. Calon adalah dikehendaki untuk menjawab semua soalan.

1. Warga Perkhidmatan Awam yang tidak hadir bekerja tanpa kebenaran daripada Ketua Jabatan adalah menyalahi peraturan. Apakah tindakan yang boleh diambil keatasnya?
 - a. Diberikan amaran bertulis dan diturunkan pangkat
 - b. Dibuang kerja dengan tidak perlu diadakan perbicaraan tatatertib
 - c. Digantung daripada menjalankan tugas serta merta dan gaji dan segala elaun ditahan 100%
 - d. Digantung daripada menjalankan tugas serta merta dan gaji dan segala elaun ditahan 50%
2. Bagi pegawai yang menggunakan bantuan kemudahan kewangan Kerajaan untuk memiliki perumahan dan pada masa yang sama mendiami perumahan Kerajaan, pegawai tersebut dikehendaki mengosongkan perumahan Kerajaan tersebut. Kegagalan mengosongkan akan diambil tindakan seperti berikut:
 - a. Boleh diambil tindakan tatatertib
 - b. Dikenakan bayaran pada kadar sewa rumah/flat yang sebenarnya yang ditanggung Kerajaan
 - c. Diarahkan mengosongkan dengan dipotong bekalan air dan api letrik
 - d. Dibawa ke mahkamah untuk dibicarakan atas sebab melanggar peraturan
3. Cuti Lebih Masa (*Off in Lieu*) adalah:
 - a. Boleh dibawa ke tahun berikut jika tidak diambil
 - b. Boleh dikumpulkan bagi tempoh 3 tahun
 - c. Mesti diambil pada tahun yang sama
 - d. Boleh ditukar kepada CSDS
4. Salah satu terma Program Peminjaman pegawai dari sektor Kerajaan ke sektor Swasta ialah bayaran surc妖 akan dikenakan kepada organisasi peminjam tersebut dan dibayarkan kepada Perbadanan Kerajaan. Berapakan kadar surc妖 sebulan yang dimaksudkan?
 - a. 30% gaji pokok pegawai
 - b. 25% gaji pokok pegawai
 - c. 15% gaji pokok pegawai
 - d. 10% gaji pokok pegawai

5. Pegawai atau kakitangan yang akan bersara dan masih tinggal di perumahan Kerajaan adalah dibenarkan mendiami rumah tersebut sehingga:
 - a. Tiga (3) bulan setelah tarikh persaraan
 - b. Tarikh persaraan
 - c. Satu (1) bulan setelah tarikh persaraan
 - d. Sehari sebelum tarikh persaraan
6. Apakah yang dikatakan dengan kesan pengaruh penilaian “Horns”?
 - a. Satu sifat baik dari prestasi Pegawai Yang Dilih mempengaruhi kebaikan pada semua sifat yang lain
 - b. Satu sifat buruk dari prestasi Pegawai Yang Dilih mempengaruhi keburukan pada semua sifat yang lain
 - c. Mengelakkan keputusan dengan cara menilai semua pegawai secara purata dan saksama
 - d. Menilai semua pegawai meratai secara ketat atau longgar
7. Ahli-Ahli Kumpulan Kerja Cemerlang ditegah daripada membincangkan perkara-perkara berikut kecuali:
 - a. Syarat-syarat Perkhidmatan
 - b. Proses Kerja
 - c. Belanjawan Jabatan
 - d. Penempatan dan Perpindahan
8. Seorang pegawai/kakitangan dalam Bahagian II yang baru dilantik telah melapor diri untuk memulakan perkhidmatannya pada 1 Disember 2020. Bilakah tarikh kenaikan gaji tahunannya?
 - a. 31 Disember 2021
 - b. 30 November 2021
 - c. 1 Januari 2022
 - d. 1 Disember 2021
9. Tempoh pembayaran Manfaat Keberterusan (*Survivorship Benefit*) dari tarikh ahli skim SCP meninggal dunia sebelum mencapai berusia 60 tahun ialah:
 - a. Seumur hidup
 - b. 20 tahun
 - c. 15 tahun
 - d. 10 tahun

10. Dayang Hjh Sabariah Hj Ahmad adalah seorang Pegawai Pendidikan dalam jawatan tetap dengan sukatan gaji B2 EB3 dan berkhidmat selama 14 tahun. Dia memohon elaun cuti bagi dirinya, suaminya yang bekerja dengan Royal Brunei Airlines dan 5 orang anak yang berumur 19 tahun sedang menuntut di Laksamana College, 15 tahun, 12 tahun, 5 tahun bersekolah di sekolah swasta dan seorang anak damit berumur 18 bulan. Berapakah jumlah elaun cuti yang bakal diterimanya bagi dirinya dan keluarganya?

- a. \$7,175
- b. \$8,050
- c. \$9,800
- d. \$11,500

11. Dengan merujuk kepada Peraturan Pegawai-Pegawai Kerajaan (Lantikan dan Kenaikan-Kenaikan Pangkat) Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (Penggal 83), ada tiga kaedah pengiklanan jawatan kosong. Salah satu kaedahnya adalah pengiklanan menurut Bab 7(a). Apakah yang dimaksudkan dengan pengiklanan dibawah bab ini?

- a. Pengiklanan dibukakan kepada pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat didalam Kementerian dan Jabatan Kerajaan itu
- b. Pengiklanan dibukakan kepada pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian dan Jabatan Kerajaan
- c. Pengiklanan dibukakan kepada orang ramai termasuk pegawai/kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan
- d. Pengiklanan dibukakan kepada orang ramai yang berkhidmat di sektor swasta sahaja.

12. Ciri-Ciri Utama penilaian dan pemilihan Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam (APCPA) adalah seperti berikut:

- a. Personaliti, dedikasi, kebolehharapan, akauntabiliti dan disiplin
- b. Personaliti, dedikasi, kebolehharapan dan disiplin
- c. Personaliti, dedikasi, kebolehharapan, akauntabiliti dan ketaatan bekerja
- d. Personaliti, dedikasi, pengetahuan Jawatan, akauntabiliti dan kelakuan

13. Seorang pegawai yang masih di dalam tempoh percubaan boleh ditamatkan lantikannya jika tidak memenuhi syarat yang ditetapkan. Salah satunya adalah pegawai itu tidak disokong untuk ditetapkan dalam jawatan oleh Ketua Jabatannya. Apakah syarat lain yang membolehkan pegawai ini ditamatkan lantikannya?

- a. Kedatangan dan kehadiran bekerja tidak memuaskan
- b. Tidak memenuhi syarat Ketua Jabatannya
- c. Tidak lulus peperiksaan-peperiksaan yang ditentukan dalam skim perkhidmatannya
- d. Tidak lulus temuduga bagi penetapan jawatan

14.Ciri-Ciri Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) adalah seperti jelas, mudah disebarluaskan, memberi keyakinan/kebolehpercayaan, munasabah/praktikal, spesifik/khusus dan satu lagi ciri iaitu:

- a. Pemantauan perkhidmatan
- b. Penilaian
- c. Boleh ditambahbaikkan
- d. Memudahkan maklumbalas

15.Hjh Siti Sara binti Jamudin, Kerani di Jabatan Perkhidmatan Awam dibenarkan memohon Cuti Sakit Disahkan Sendiri (CSDS) sehari pada hari Selasa, 6hb April 2021. Pada hari Rabu, 7hb April 2021 dia sekali lagi memohon CSDS sehari dan dibenarkan. Pada hari Khamis, 8hb April 2021 dia masih belum sehat dan sekali lagi memohon CSDS sehari kerana dia masih ada baki 4 hari CSDS yang masih belum digunakan dalam setahun perkhidmatan. Walaubagaimanapun, Penolong Pentadbir memaklumkan cuti tahunan Hjh Siti Sara telah habis digunakan sehingga tarikh tersebut. Sila nyatakan apakah tindakan yang boleh diambil oleh Pengarah Pembangunan dan Pengurusan keatas permohonan ini.

- a. Mbenarkan CSDS kerana masih ada baki 4 hari CSDS yang belum digunakan.
- b. Tidak mbenarkan CSDS dan mengarahkan supaya mendapatkan Sijil Cuti Sakit daripada klinik Kerajaan atau swasta
- c. Tidak mbenarkan CSDS dan menyarankan supaya memohon Cuti Pendahuluan melalui GEMS Mobile App
- d. Menggunakan budi bicara dan mbenarkan CSDS dengan syarat dia kembali bekerja pada keesokan hari

16.Berapakah jumlah maksima caruman SCP?

- a. \$17.50 sebulan
- b. \$30.00 sebulan
- c. \$35.00 sebulan
- d. \$98.00 sebulan

17.Elaun sara hidup bagi pegawai Bahagian I yang menerima gaji pokok melebihi \$6,800 sebulan adalah:

- a. \$200
- b. \$180
- c. \$80
- d. Tidak dihulurkan elaun sara hidup

18. Berapa tempoh notis yang perlu diberikan oleh pegawai/kakitangan yang berhasrat untuk menamatkan perkhidmatannya?

- a. Sebulan
- b. 2 bulan
- c. 3 bulan
- d. 6 bulan

19. Seorang Pembantu Kerani telah berkhidmat selama $5 \frac{1}{2}$ tahun dalam lantikan perkhidmatan Bergaji Hari. Pada 1hb November 2020 beliau telah dilantik kepada lantikan Open Vote bergaji bulan semasa kandungannya berusia 28 minggu. Dia selamat melahirkan bayi yang dikandungnya apabila kandungannya berusia 38 minggu. Berapakah tempoh Cuti Beranak bagi kakitangan tersebut?

- a. 108 hari
- b. 105 hari
- c. Tidak Bergaji kerana Perkhidmatannya Bergaji Bulan kurang daripada 90 hari
- d. Hanya diberikan Cuti Sakit

20. Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 2/2018 menyatakan pegawai dalam Bahagian II yang telah lulus peperiksaan Peraturan-Peraturan Am 1961 dan Peraturan-Peraturan Perkhidmatan (GO) dan Peraturan-Peraturan Kewangan (FR) dan mendapat Gred "A" dan Gred "B" dalam kedua-dua peperiksaan tersebut akan dihulurkan Insentif Kewangan Elaun Bulanan selama

- a. Satu (1) Tahun
- b. Dua (2) Tahun
- c. Tiga (3) Tahun
- d. Tidak dihulurkan Elaun Insentif kerana tidak mendapat Gred "A" pada kedua peperiksaan

21. Tindakan yang boleh diambil sekiranya pegawai/kakitangan yang diarahkan untuk menghadiri sesi kaunseling ingkar untuk menghadirkan diri adalah:

- a. Diberikan surat amaran keras
- b. Diberhentikan pembayaran gaji dan elaun
- c. Digantung kerja berserta ditahan gaji dan elaun
- d. Ditahan separuh gaji dan elaun

22. Berpandukan Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 12/2020, tempoh perkhidmatan Kenaikan Pangkat Laluan Laju (KPLL) bagi kenaikan pangkat daripada tanggagaji B2 EB3 sehingga tanggagaji Superscale C adalah selama tidak kurang daripada

- a. 17 tahun 6 bulan
- b. 18 tahun
- c. 10 tahun 6 bulan
- d. 10 tahun

23. Seorang pegawai/kakitangan mengalami kesusahan kewangan yang berat adalah dalam keadaan-keadaan berikut kecuali:

- a. Jumlah hutang dan tanggungan tidak bercagar adalah lebih 3 kali ganda gaji dan elaun bulanan
- b. Mendapat hukuman sebagai pengambil hutang sehingga hutang itu diselesaikan
- c. Seorang muflis atau pemakan gaji tidak dapat menjelaskan hutangnya sehingga lepas daripada muflis
- d. Membuat pinjaman peribadi kepada pihak bank bagi tujuan membeli rumah yang berharga lebih daripada 60 bulan gaji pegawai/kakitangan berkenaan

24. "Pekerja yang menerapkan ciri-ciri ini didalam dirinya mampu menggunakan segala kepakaran dan kemahirannya dalam menghasilkan kualiti dan mutu kerja yang tinggi dengan menjalani masa yang diberikan secara produktif dan tanpa berlengah-lengah". Ciri Rukun Akhlak dan Etika Kerja yang dimaksudkan ialah:

- a. Beriltizam, keterbukaan dan akauntabiliti mengukuh keberkesanan
- b. Titih, lutanan dan menghargai masa asas kejayaan
- c. Berilmu, kreatif dan inovatif asas kebaktian
- d. Sabar, tabah dan bersopan santun amalan terpuji

25. Dalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 6/2017, berapakan kadar bonus yang akan diterima oleh seorang pegawai sepanjang tempoh menjalani Latihan Dalam Perkhidmatan Seberang Laut?

- a. Tidak ada bonus
- b. 100% jika lulus peperiksaan
- c. 50% jika menduduki semula peperiksaan
- d. 25% jika gagal peperiksaan

26. Dalam MPK simbol yang digunakan untuk menandakan Mula/Tamat ialah:

- a. 
- b. 
- c. 
- d. 

27. Kadar kelayakan cuti tahunan bagi pegawai/kakitangan perempuan berjawatan tetap dalam Bahagian II dan berumur 49 tahun ialah:

- a. 50 hari
- b. 48 hari
- c. 42 hari
- d. 34 hari

28. Pencen Turunan adalah dikhususkan kepada warga Perkhidmatan Awam yang meninggal dunia semasa dalam perkhidmatan atau

- a. Meninggal dalam tempoh 10 tahun ke bawah selepas bersara
- b. Meninggal dalam tempoh 15 tahun ke bawah selepas bersara
- c. Meninggal semasa dalam cuti persaraan
- d. Meninggal selepas 1 tahun selepas bersara

29. Ketua Jabatan adalah dikehendaki untuk memerhatikan bahawa jika seorang pegawai/kakitangan telah sakit beberapa lama, maka adalah kewajipan Ketua Jabatan mengambil tindakan berikut:

- a. mengadukan perkara ini kepada Setiausaha Tetap Kementerian berkenaan berserta laporan daripada *Medical Board*.
- b. mengarahkan pegawai/kakitangan tersebut untuk mendapatkan cuti sakit
- c. mengarahkan pegawai/kakitangan tersebut untuk mengambil cuti tahunan
- d. mengarahkan pegawai/kakitangan tersebut untuk mengambil cuti tidak bergaji

30. Tatacara persuratan di antara Setiausaha Tetap dengan Setiausaha Tetap dalam Kementerian yang berlainan adalah:

- a. Bersurat dan memorandum
- b. Bersurat (letterhead)
- c. Memorandum
- d. Minit

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi sepuluh (10) soalan. Calon adalah dikehendaki untuk menjawab tujuh (7) soalan sahaja. Setiap soalan mempunyai 5 markah.

Sila terangkan perkara-perkara dalam Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam seperti berikut:

1. Elaun Gangguan
2. Definisi Fail Meja
3. Syarat Pencen dan Baksis apabila Warga Perkhidmatan Awam bersara wajib apabila mencapai usia 55 tahun
4. Keahlian Jawatankuasa Mempertimbangkan Rayuan Surcaj seperti Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 5/2021
5. Nyatakan kandungan di perenggan 4.1 dan 4.2 dari Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 4/2008 serta cara pengiraannya
6. Syarat Cuti Sakit Pekerja Bergaji Hari
7. Surat Keliling dan Surat Pemberitahuan
8. Syarat-Syarat Pengurniaan Tambang Bagi Menunaikan Fardhu Haji Bagi Pegawai/Kakitangan Perkhidmatan Awam
9. Kategori-kategori jawatan yang boleh dipangku jika ketiadaan pemegangnya dalam 1 hari
10. Peraturan dan Syarat Pelanjutan Mata Gaji EB Khas

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi tiga (3) soalan. Calon adalah dikehendaki menjawab dua (2) soalan sahaja. Setiap soalan mempunyai $17 \frac{1}{2}$ markah.

SOALAN 1 – KELAKUAN DAN TATATERTIB

Jabatan Pengangkutan Darat telah menerima memorandum daripada Biro Mencegah Rasuah bertarikh 2 Januari 2021 dan dicop penerimaan memorandum bertarikh 3 Januari 2021. Memorandum berkenaan memaklumkan bahawa Awang Affendi bin Haji Bahar, Pegawai Melesen di Jabatan Pengangkutan Darat telah disyaki terlibat dalam kes rasuah setelah didapati menerima suapan berjumlah \$2,000 bagi meluluskan lesen Woksyop Syarikat Abdul Latif Sdn Bhd. Beliau ditangkap pada 25 Januari 2021 di woksyop tersebut. Pada 15 Mac 2021, Pejabat Peguam Negara memaklumkan melalui memorandum bertarikh 13 Mac 2021 yang Awang Affendi bin Haji Bahar dihadapkan ke mahkamah dan disabitkan kesalahan dan dijatuhi hukuman setahun penjara mulai 1 Mac 2021.

- a) Sebagai Ketua Jabatan yang bertanggungjawab mengenai hal ehwal kakitangan di Jabatan Pengangkutan Darat, terangkan tindakan segera yang perlu awda ambil menurut Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 19/1998 terhadap Awang Affendi bin Haji Bahar ketika disyaki terlibat dalam kes rasuah.
(6 markah)
- b) Terangkan tindakan seterusnya apabila Jabatan Pengangkutan Darat menerima makluman yang Awang Affendi bin Haji Bahar dijatuhi hukuman setahun penjara mulai 1 Mac 2021.
(6 markah)
- c) Nyatakan tarikh sepatutnya Jabatan Pengangkutan Darat membuat tindakan segera bagi Awang Affendi bin Haji Bahar ketika disyaki terlibat dan dihukum sabit kesalahan?
(2 markah)
- d) Nyatakan tiga (3) perhatian kepada Awang Affendi bin Haji Bahar ketika digantung kerja?
(3 markah)
- e) Nyatakan tindakan yang boleh diambil keatas mereka yang berkenaan yang gagal untuk bertindak menurut tatacara Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 19/1998.
($\frac{1}{2}$ markah)

SOALAN 2 – PENILAIAN PRESTASI

Penyelia Pejabat menilai Penilaian Prestasi Dayang Sauyah binti Gafar, Kerani yang dibawah kawalannya dengan gred penilaian di tahap Memerlukan Pembaikan (Gred D). Walaubagaimanapun Dayang Sauyah binti Gafar tidak bersetuju dengan penilaian prestasinya dan mengadu kepada Ketua Unit berjawatan Pegawai Kakitangan.

- a) Selaku Ketua Unit, apa nasihat yang dapat diberikan Dayang Sauyah binti Gafar?
(2 markah)
- b) Apa yang dimaksudkan dengan Pegawai Penilai Semula?
(2 markah)
- c) Bila Pengemaskinian Sistem Pengurusan Prestasi Baru Perkhidmatan Awam seperti Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 3/2019 mula berkuatkuasa?
(1 ½ markah)
- d) Sila nyatakan Gred, Markah dan Tahap Penilaian dalam Sistem Pengurusan Prestasi Baru.
(5 markah)
- e) Berapakan kadar peratus bonus jika gred penilaian prestasinya di tahap Memerlukan Pembaikan (Gred D) dan setelah penilaian semula gred Penilaian Prestasi di tahap Baik (Gred C)?
(2 markah)
- f) Penilaian Prestasi pegawai dan kakitangan berperanan penting menentukan kelayakan kepada insentif tertentu. Senaraikan 5 sahaja insentif-insentif yang berkaitan dengan sistem penilaian prestasi.
(5 markah)

SOALAN 3 – LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN

Awang Azmi bin Abdul Rahim, Pendlong Pensyarah di Universiti Brunei Darussalam (UBD) berumur 35 tahun, memohon untuk mengikuti kursus Ijazah Kedoktoran Falsafah (Ph.D) dalam jurusan Kejuruteraan Petroleum bagi tempoh 3 tahun di salah sebuah universiti di United Kingdom.

- a) Awda, sebagai pegawai yang mengendalikan urusan latihan di UBD perlu mempertimbangkan permohonan pegawai berkenaan sebelum dihadapkan kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam. Selain dari mesti terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Perkhidmatan Tetap dan telah berkhidmat tidak kurang daripada dua (2) tahun perkhidmatan, sila nyatakan 5 lagi syarat utama dalam mempertimbangkan permohonan pegawai berkenaan seperti didalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 6/2017 dan Surat Pemberitahuan Jabatan Perkhidmatan Awam bilangan 13/2020.
(5 markah)
- b) Jika pegawai diatas setelah mengikuti Latihan Dalam Perkhidmatan Sebarang Laut (LDPSL) adalah juga dikehendaki mematuhi peraturan-peraturan dan tata tertib pegawai dan kakitangan kerajaan dan tidak terlibat dalam penyelewengan atau kelakuan yang menyalahi undang-undang Negara. Sila nyatakan sebab-sebab tertentu yang mengakibatkan biasiswa pegawai berkenaan ditamatkan dan termasuk juga dikehendaki membayar balik segala perbelanjaan yang diberikan sepanjang tempohnya menjalani kursus tersebut.
(5 markah)
- c) Sila senaraikan kemudahan-kemudahan yang diberikan kepada pegawai yang mengikuti Latihan Dalam Perkhidmatan Sebarang Laut (LDPSL).
(5 ½ markah)
- d) Sila berikan tempoh ikat janji (bond) bagi pengikuti kursus seperti berikut:
 - i. Kursus Ijazah Kedoktoran Falsafah (Ph.D) selama 3 tahun
 - ii. Kursus Ijazah Sarjana (Master) selama 1 tahun*(2 markah)*